

TAKSIRAN KADAR NAFKAH 'IDDAH TANPA MELALUI SULH: TINJAUAN AWAL DI ERA KEHILANGAN PEKERJAAN AKIBAT WABAK COVID-19

Norman Zakiyyⁱ, Hasnizam Hashimⁱⁱ, Maizatul Farisah Mohd Mokhtarⁱⁱⁱ, Dina Imam Supaat^{iv}

ⁱ (Penulis koresponden) Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah and Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. zakiyy@usim.edu.my

ⁱⁱPensyarah Kanan, Fakulti of Syariah and Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

ⁱⁱⁱPensyarah Kanan, Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia.

^{iv}Pensyarah Kanan, Fakulti of Syariah and Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

Abstrak

Dalam kes perceraian, Majlis Sulh adalah forum alternatif kepada perbicaraan di mana kedua belah pihak berpeluang untuk menyelesaikan isu tuntutan secara damai. Dalam menetapkan kadar nafkah 'iddah pula, kedua belah pihak boleh berusaha untuk mencapai persetujuan bersama tanpa campurtangan mahkamah melalui perbicaraan. Namun begitu, kaedah penyelesaian ini mungkin akan menjadi kurang efektif sekiranya kedua pihak terlalu emosional dan tidak berkompromi. Pada masa yang sama, suami yang menceraikan isterinya pula mungkin sedang mengalami masalah kewangan yang serius akibat daripada kesan wabak COVID-19 dan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan yang berpanjangan. Pembayaran nafkah 'iddah masih merupakan suatu tanggungjawab yang perlu ditunaikan oleh seorang suami kepada isteri yang telah diceraiannya. Artikel ini membincangkan kaitan antara keadaan sosio-ekonomi suami yang menceraikan isterinya dan penentuan kadar nafkah 'iddah yang sesuai. Adalah didapati penaksiran kadar nafkah 'iddah haruslah mengambil kira sosio-ekonomi suami yang berubah dan kos hidup terkini. Penetapan kadar nafkah 'iddah yang munasabah dapat mengurangkan kes ketidakpatuhan kepada perintah Mahkamah Syariah berhubung dengan pembayaran nafkah 'iddah.

Kata kunci: *Kadar nafkah 'iddah, sosio-ekonomi, sulh, COVID-19*

PENDAHULUAN

Secara dasarnya, wabak COVID-19 telah memberi kesan kepada ekonomi dunia dan ekonomi Malaysia di mana wujudnya peningkatan dalam kadar kehilangan pekerjaan yang tinggi. Kehilangan pekerjaan turut memberi kesan terhadap keutuhan institusi keluarga. Terdapat juga peningkatan aduan berhubung suami atau bekas suami yang gagal memberi nafkah kepada isteri atau bekas isteri. Misalnya, Ketua Pengarah dan Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, berkata "sebelum ini, hanya lima aduan sebulan diterima Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah melalui laman sosial Facebook rasmi BSK atau e-mel BSK negeri. Kali ini kita menerima lima aduan dalam masa lima hari,". Pandangan tersebut diberi ketika mengulas isu keengganan suami atau bekas

suami memberi nafkah kepada isteri atau bekas isteri dan anak (Berita Harian Online, 17 April 2021).

Setiap wanita Islam yang diceraikan oleh suaminya wajib menjalani tempoh 'iddah (eddah). 'Iddah adalah berkait rapat dengan usaha untuk memelihara keturunan dan perwarisan pada kemudian hari. Di dalam tempoh 'iddah, suami masih ada hak ke atas isteri yang telah diceraikannya, Maka, isterinya berhak terhadap sejumlah nafkah 'iddah setelah perceraian. Nafkah 'iddah pula adalah salah satu daripada tuntutan-tuntutan yang boleh dituntut oleh seorang isteri daripada suaminya yang telah menceraikannya. Tuntutan-tuntutan lain yang boleh dibuat oleh seorang wanita terhadap bekas suaminya adalah mut'aah, harta sepencarian, hadhanah, dan tunggakan hutang (misalnya, mas kahwin yang belum dibayar, bayaran saraan hidup dalam tempoh perkahwinan, serta tunggakan nafkah anak).

Perbincangan ini menekankan tanggungjawab seorang suami untuk mematuhi arahan mahkamah mengenai perintah pembayaran nafkah 'iddah kepada isteri yang telah diceraikannya. Kegagalannya untuk mematuhi arahan tersebut akan mengundang pelbagai tindakan dari segi undang-undang. Misalnya, suami tersebut boleh dikenakan hukuman penjara, tindakan melalui prosiding penyitaan dan penjualan ke atas hartanya dan juga prosiding hiwalah mengikut peruntukan berkaitan di dalam Akta / Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah. Namun, begitu, psikologi seseorang suami akan terjejas sekiranya tidak mampu untuk menjelaskan bebanan hutang (termasuk nafkah 'iddah isteri yang telah diceraikannya).

Namun, isu yang timbul adalah bila isteri yang telah diceraikan menuntut jumlah 'iddah yang dianggap tinggi oleh suaminya, dan suaminya pula yang kehilangan pekerjaan memberi alasan tidak mampu untuk menunaikannya. Suami yang kehilangan pekerjaan dan tidak mempunyai sumber simpanan yang mencukupi mungkin mengalami depresi yang teruk. Beliau juga akan mengalami masalah bukan sahaja untuk menyara dirinya bahkan juga keluarganya dari segi makanan, pakaian dan tempat tinggal.

Maka, objektif penulisan ini adalah bersandarkan beberapa persoalan berikut: (a) Apakah rujukan atau autoriti dalam perundangan sedia ada berkaitan dengan nafkah 'iddah?; (b) Apakah kaedah penyelesaian secara sulh dapat menyelesaikan isu penetapan nafkah 'iddah yang berpatutan?; dan (c) faktor-faktor yang harus dipertimbangkan oleh Mahkamah dalam menaksir kadar nafkah 'iddah dalam keadaan di mana suami kehilangan pekerjaan atau sumber pendapatan yang kukuh?

METODOLOGI

Penulisan ini berdasarkan analisis kandungan dalam internet bagi mencari isu terkini berkaitan kos hidup masyarakat kini terutamanya berkaitan dengan kesan COVID-19 yang boleh dipertimbangkan dalam penaksiran kadar nafkah 'iddah yang berpatutan. Rujukan juga bersumberkan Al-Quran, kes-kes berkaitan dan enakmen keluarga Islam iaitu Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (EUUKIS 2003).

SKOP

Skop kertas kerja ini hanya bertumpu kepada kes talaq raji'i (talaq yang boleh dirujuk iaitu talaq satu dan talaq dua) dan faktor-faktor yang harus dipertimbangkan dalam menentukan kadar nafkah 'iddah yang berpatutan setelah mahkamah membuat pengesahan dan memutuskan tentang tarikh berlakunya perceraian dan tempoh permulaan 'iddah isteri (melalui perbicaraan). Maka, penulisan ini tidak akan membincangkan tentang penentuan tarikh perceraian dan tempoh 'iddah isteri (wanita istihadah yang 'bercerai hidup' atau 'kematian suami' atau mengandung) ataupun perselisihan pendapat antara para fuqaha.

SUMBER RUJUKAN BEROTORITI MENGENAI NAFKAH 'IDDAH

Sumber rujukan berotoriti mengenai nafkah 'iddah boleh diperolehi daripada kitab-kitab, enakmen keluarga Islam negeri dan juga kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Di samping itu, masyarakat mudah mendapat maklumat mengenai nafkah 'iddah dengan melayari laman sesawang, misalnya melalui laman web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan iaitu <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafili-al-fatawi/4819-al-kafi-1800-tempoh-iddah-wanita-istihadah>.

Ulama mazhab bersepakat bahawa nafkah 'iddah adalah tanggungjawab suami atau bekas suami bila berlakunya talaq raji'i (Muhammad Jawad Mugniyah, al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-Khamsah, terj. Masykur A.B. dkk., cet. ke-3 (Jakarta: Lentera, 2004), hlm. 401). Tanggungjawab suami selepas talaq raji'i adalah sebagaimana yang disebut dalam Al-Ghayah wa al-Taqrib di halaman 34 yang bermaksud:

"Bagi wanita yang diceraikan dan ber'iddah dengan 'iddah raji'i adalah berkewajipan untuk memperoleh tempat tinggal dan nafkah."

Autoriti lain bagi isteri yang diceraikan secara talak raji'i adalah berpandukan dalil di mana Nabi Muhammad (SAW) bersabda:

"Hanya nafkah dan tempat kediaman untuk perempuan yang boleh dirujuk oleh suaminya".

(Riwayat Ahmad dan An-Nasa'i)

Dalam Al-Qur'an, Allah (SWT) berfirman dalam surah al-Talaq, ayat 6 yang bermaksud:

"Tempatkanlah mereka (para isteri yang menjalani idah) di tempat tinggal kamu menurut kemampuan dan janganlah kamu menyusahkan mereka untuk menyempitkan (hati) mereka. Dan jika mereka (isteri-isteri yang sudah ditalak) itu sedang hamil, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sampai mereka melahirkan kandungannya, kemudian jika mereka menyusukan (anak-anak) mu, maka berikanlah upahnya kepada mereka; dan musyawarahkanlah (berundinglah) di antara kamu (segala sesuatu) dengan baik; dan jika kamu menemui kesulitan, maka perempuan lain boleh menyusukan (anak itu) untuknya."

Ayat tersebut jelas menunjukkan Allah (SWT) meletakkan tanggungjawab seorang suami untuk memastikan nafkah diberikan kepada isteri dan anak-anak hasil perkongsian hidup mereka setelah berlaku perceraian. Secara dasarnya, kadar nafkah adalah menyamai apa yang telah diterima oleh isteri yang diceraikan semasa dalam tempoh perkahwinan dan ini berdasarkan kemampuan suami berdasarkan firman Allah (SWT) dalam Surah al-Talaq 65 ayat 6 tersebut.

Seorang suami mempunyai tanggungjawab untuk memberi nafkah dan tidak boleh menggunakan alasan kehilangan pekerjaan, miskin atau kurang pendapatan. Walau bagaimanapun, keadaan sosio-ekonomi suami yang tidak baik boleh dijadikan alasan untuk memberi kadar nafkah yang berpatutan (Al-Nawawi, Minhaj al-Talibin).

Terdapat juga peruntukan undang-undang keluarga Islam berkenaan hak isteri yang telah diceraikan untuk diberi hak tempat tinggal. Misalnya, Seksyen 72, Bahagian VI - Nafkah Isteri, Anak Dan Lain-Lain dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 menyatakan berikut:

"Seksyen 72. Hak tempat tinggal

1. Seseorang perempuan yang diceraikan berhak tinggal di rumah di mana dia biasa tinggal semasa dia berkahwin selagi suami tidak mendapatkan tempat tinggal lain yang sesuai untuk isteri.
2. Hak tempat tinggal yang diperuntukkan dalam sub-sekyen (1) akan terhenti—
 - a. jika tempoh 'iddah telah tamat;
 - b. jika tempoh penjagaan anak telah habis;
 - c. jika perempuan itu telah berkahwin semula; atau
 - d. jika perempuan itu telah bersalah melakukan perbuatan yang memberahikan secara terbuka (fahisyah),

dan sesudah itu suami boleh memohon kepada Mahkamah supaya dikembalikan rumah itu kepadanya."

Jika diteliti, peruntukan dalam seksyen 72 dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 adalah hampir sama dengan seksyen 72 dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

Seterusnya, sambungan ayat 7 dalam Surah al-Talaq, Allah (SWT) berfirman yang bermaksud:

"Hendaklah orang yang mempunyai keluasan memberi nafkah menurut kemampuannya dan orang yang terbatas rezekinya, hendaklah memberi nafkah daripada harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak membebankan seseorang melainkan (sesuai) dengan apa yang diberikan Allah kepadanya. Allah kelak akan memberikan kesenangan setelah berlakunya kesempitan."

Dalam konteks ini, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 [Sel. P.U. 7/2004] BAHAGIAN VI - NAFKAH ISTERI, ANAK DAN LAIN-LAIN memerintukkan berikut:

"Seksyen 60. Kuasa Mahkamah memerintah nafkah bagi isteri, dan efek nusyuz

1. Tertakluk kepada Hukum Syarak Mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya."
2. Tertakluk kepada Hukum Syarak dan pengesahan Mahkamah, seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia nusyuz atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, iaitu, antara lain-
 - a. apabila dia menjauhkan dirinya dari suaminya;
 - b. apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya; atau
 - c. apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke satu rumah atau tempat lain, tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut Hukum Syarak.
3. Selepas sahaja isteri itu bertaubat dan menurut kemahuan dan perintah sah suaminya, maka isteri itu tidaklah lagi menjadi nusyuz."

Seksyen 71 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 pula menyebut tentang hak isteri untuk mendapat nafkah sementara:

"Seksyen 71. Nafkah sementara

1. Jika Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat alasan-alasan untuk membayar nafkah, Mahkamah boleh membuat suatu perintah terhadap suami bagi

- membayar nafkah sementara yang akan berkuat kuasa dengan serta merta dan terus berkuat kuasa sehingga perintah Mahkamah dibuat atas permohonan untuk nafkah.
2. Suami boleh melaraskan nafkah sementara yang dibayar dengan amaun yang diperintah supaya dibayar untuk nafkah di bawah perintah Mahkamah, dengan syarat bahawa amaun yang diterima oleh isteri, setelah ditolak apa-apa potongan, adalah cukup untuk keperluan asasnya."

Mengikut pandangan Ibn Rusyd, suami wajib menunaikan tanggungjawab tersebut melainkan isterinya disahkan nusyuz (Ibn Rusyd, Bida'yah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid, Juz II (ttp.: tnp., t.t.), hlm. 44, dalam al-Maktabah al-Syaamilah, Versi 2.11).

Dalam kes Syarifah Sapoyah lwn Wan Alwi (1988) J.H. Jld. VI-II, Yang Arif Kadi Besar Sarawak Awang Pon bin Awang Sebon menyatakan berikut:

"Menurut Hukum Syarak seseorang isteri yang telah diceraikan oleh suaminya berhak mendapat nafkah eddahnyanya sekiranya seseorang isteri itu diceraikan dengan talak rajie atau dengan talak bain sedangkan si isteri mengandung dan isteri tersebut tidak melakukan perbuatan yang dianggap nusyuz.

Dalilnya:

"Dari Fatimah binti Qais bahawa Rasulullah saw menyatakan hanya perempuan yang berhak mengambil nafkah dan rumah kediaman bekas suaminya apabila suami berhak rujuk kepadanya".

(Riwayat Ahmad dan An-Nasa'i)

Menurut kitab Al-Fiqhu 'Ala Mazahib Al-Arba'ah Juzuk 4 karangan Abdul Rahman Al-Jazini menerangkan:

"Isteri yang ditalak rajie wajib mendapat hak nafkah eddah tidak kira sama ada ia merdeka, hamba, mengandung atau tidak mengandung".

Jika diteliti, peruntukan dalam seksyen 60 dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 adalah hampir serupa dengan seksyen 60 dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 [N.S. P.U. 2/2004] BAHAGIAN VI - NAFKAH ISTERI, ANAK DAN LAIN-LAIN yang menyatakan berikut:

Seksyen 60. Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan nafkah bagi isteri, dan kesan nusyuz

1. Tertakluk kepada Hukum Syarak, Mahkamah boleh, memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya.
2. Tertakluk kepada Hukum Syarak dan pengesahan Mahkamah, seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia nusyuz atau dengan tidak munasabah enggan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, iaitu, antara lain-
 - a. apabila dia menjauhkan diri daripada suaminya;
 - b. apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya; atau
 - c. apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke suatu rumah atau tempat lain, tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut Hukum Syarak.
3. Sebaik selepas isteri itu bertaubat dan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, maka isteri itu tidak lagi nusyuz.

Berikut adalah peruntukan di bawah seksyen 63, 64, 66, 67 dan 68 dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003:

Seksyen 62. Penaksiran nafkah

Dalam menentukan jumlah apa-apa nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan penaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, tanpa mengira perkadaran nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.

Seksyen 64. Mengkompaun nafkah

Sesuatu perjanjian untuk membayar, dengan wang atau harta lain, wang pokok bagi menjelaskan segala tuntutan nafkah masa hadapan tidak boleh berkuat kuasa sehingga ia telah diluluskan, dengan atau tanpa syarat-syarat oleh Mahkamah, tetapi apabila diluluskan sedemikian, hendaklah menjadi suatu pembelaan yang memadai terhadap apa-apa tuntutan nafkah.

Seksyen 66. Hak terhadap nafkah atau pemberian selepas perceraian

1. Hak seseorang isteri yang telah bercerai untuk menerima nafkah daripada suaminya yang dahulu di bawah mana-mana perintah Mahkamah hendaklah terhenti apabila tamat tempoh 'iddah atau apabila isteri nusyuz.
2. Hak isteri yang telah diceraikan untuk menerima pemberian daripada bekas suaminya di bawah sesuatu perjanjian hendaklah terhenti atas perkahwinan semula isteri itu.

Seksyen 67. Kuasa Mahkamah untuk mengubah perintah nafkah

Mahkamah boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengubah, atau boleh pada bila-bila masa membatalkan, mana-mana perintah nafkah yang masih berkuat kuasa, sama ada bercagar atau tidak bercagar, atas permohonan orang yang berhak menerima atau yang kena membayar nafkah itu menurut perintah yang telah dibuat itu, jika Mahkamah berpuas hati bahawa perintah itu telah diasaskan atas sesuatu salah nyataan atau kesilapan fakta atau jika sesuatu perubahan material telah berlaku tentang hal keadaan.

Seksyen 68. Kuasa Mahkamah untuk mengubah perjanjian nafkah

Tertakluk kepada seksyen 64, Mahkamah boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengubah syarat-syarat mana-mana perjanjian tentang nafkah yang dibuat antara suami dengan isteri sama ada dibuat sebelum atau selepas tarikh yang ditetapkan, jika Mahkamah berpuas hati bahawa apa-apa perubahan material telah berlaku tentang hal keadaan, walau apa pun peruntukan yang berlawanan dalam perjanjian itu.

KESESUAIAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN NAFKAH 'IDDAH MELALUI KAEDAH SULH

Secara praktis, Sulh dikenali sebagai suatu kaedah penyelesaian yang efektif dalam banyak kes pertikaian di Mahkamah Syariah tanpa melibatkan proses litigasi yang rumit dan memakan masa yang lebih lama. Antara pertikaian yang boleh diselesaikan melalui sulh adalah tuntutan berkenaan dengan nafkah 'iddah.

Lazimnya, sulh berbentuk 'court-annexed' berupa suatu majlis perbincangan bersama antara kedua pihak bertikai yang terlibat dalam suatu pertikaian dalam kes yang telah difailkan di mahkamah, dengan dipengerusikan oleh Pegawai Sulh. Persetujuan bersama oleh kedua pihak bertikai dalam Majlis tersebut untuk menyelesaikan kes mereka secara damai dan sukarela akan kemudiannya direkodkan oleh Hakim dalam bentuk perintah Mahkamah. Ini sudah pasti menjimatkan masa kedua pihak bertikai kerana tidak perlu lagi menghadiri mahkamah untuk perbincangan penuh.

Mengikut sumber daripada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor, antara tuntutan atau permohonan yang boleh diselesaikan melalui kaedah Sulh mengikut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (ringkasnya dirujuk sebagai "EUUKIS 2003") adalah berikut:

1. Mahkamah Tinggi Syariah
 - Tuntutan Harta Sepencarian - subseksyen 23 (10)(b) & subseksyen 122

EUUKIS 2003

- Tuntutan Hak Jagaan Anak (Hadhanah) - subseksyen 82 EUUKIS 2003
2. Mahkamah Rendah Syariah
- Tuntutan Mut'ah - subseksyen 58 EUUKIS 2003
 - Tuntutan Nafkah Iddah - subseksyen 66 (1) EUUKIS 2003
 - Tuntutan Tunggakan Nafkah - subseksyen 70 (1) EUUKIS 2003
 - Tuntutan Nafkah Anak - Subseksyen 74 (1) EUUKIS 2003

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor

<https://www.jakess.gov.my/index.php/ms/perkhidmatan/perkhidmatan-utama/majlis-sulh>

Berdasarkan sumber daripada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan pula, sulh merujuk kepada Arahan Amalan No.1 Tahun 2010 dan didapati terdapat 18 jenis tuntutan yang boleh diselesaikan secara sulh termasuk nafkah isteri dan nafkah 'iddah. (Sumber rujukan: <https://jksns.ns.gov.my/en/perkhidmatan/sulh-mediation>).

Bagi mengekang penularan wabak COVID-19, prosiding di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah dijalankan secara dalam talian. Misalnya, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (Jakess) memperkenalkan sidang video untuk prosiding mahkamah, antaranya Majlis Sulh, perbincangan dan sebutan kes. Walau bagaimanapun, Jakess memaklumkan prosiding dalam talian melalui 'Skype' dan 'Google Meet' kurang diterima oleh masyarakat kerana lebih memilih untuk hadir secara kediri (fizikal) di mahkamah (Utusan Malaysia, 12 Julai 2021).

Selaras dengan rujukan kepada bahan berautoriti (iaitu kitab-kitab, kes-kes dan enakmen keluarga Islam negeri) perbincangan secara dalam talian juga haruslah berupaya menarik minat dan keyakinan kedua pihak bertikai untuk menyelesaikan persengketaan mereka mengenai isu kadar nafkah 'iddah yang berpatutan. Ini dapat dilakukan dengan menyelami masalah yang dihadapi oleh kedua belah pihak oleh Mahkamah. Kedua-dua pihak bertikai mungkin diselubungi oleh emosi, masih berdendam dan sukar bertolak ansur dalam penyelesaian isu nafkah 'iddah dan tidak yakin untuk menyelesaikan persengketaan melalui medium Sulh.

Mengikut Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor, faktor-faktor kejayaan sulh adalah berikut: "(1) Kedua-dua pihak bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan tuntutan di luar Mahkamah; (2) Kedua-dua pihak setia memberi dan menerima serta bersedia berunding secara ikhlas dan terbuka bukannya secara emosi / membalas dendam; dan (3) Kedua-dua pihak sedar implikasi jika kes diteruskan dengan perbincangan".

Faktor-faktor kegagalan Sulh pula adalah berikut: "(1) Salah satu pihak atau kedua-dua pihak berbincang secara emosi atau atas faktor ingin membalas dendam; dan (2) Salah satu pihak atau keduanya tidak ada keupayaan untuk membuat sebarang keputusan." (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor, Pamphlet berkaitan Majlis Sulh; <https://www.jakess.gov.my/hakam/sulh.pdf>).

Jadual statistik kes sulh mengikut jenis kes 2017 di bawah Jabatan Kehakiman Negeri Sembilan menunjukkan terdapat 140 kes yang telah selesai. Walau bagaimanapun, hanya 81 kes berjaya diselesaikan secara sulh, 27 kes gagal dan 32 tidak hadir ke majlis sulh.

Jabatan Kehakiman Negeri Sembilan,
https://jksns.ns.gov.my/images/Statistik_Sulh/STATISTIK-SULH-JKSNS-KESELURUHAN-2017.pdf

Satu contoh sulh yang gagal dapat dilihat dalam kes Azura binti Adna lwn Mohd Zulkefli bin Salleh, (2000) J.H Jilid 14 Bah. II, ms 179-224. Dalam kes tersebut, Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu telah mengarahkan Plaintiff untuk membuat sebarang tuntutan akibat perceraian melalui sulh. Walau bagaimanapun, Mahkamah mendapati sulh gagal menyelesaikan pertikaian tersebut dan seterusnya memerintahkan kes tersebut dibicarakan untuk perintah-perintah berkaitan nafkah, muta'ah dan hadhanah.

- Tuntutan Nafkah Eddah 162 81 27 32 140 22

Seterusnya, sulh mungkin tidak sesuai sekiranya kedua belah pihak saling tuduh-menuduh antara satu sama lain. Sulh juga mungkin tidak sesuai sekiranya isteri yang telah diceraikan membuat permohonan injunksi tegahan perpindahan di bawah seksyen 106 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dengan mendakwa suaminya membuat cubaan untuk melakukan perpindahan harta bertujuan untuk mengurangkan kemampuannya membayar nafkah. Peruntukan yang sama juga kelihatan dalam seksyen 106 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Sulh juga mungkin kurang sesuai sekiranya kedua belah pihak tidak dapat bersetuju atau tidak dapat membuat keputusan tentang tarikh sebenar nafkah 'iddah sepatutnya dibayar. Maka, perbincangan penuh lebih sesuai untuk membolehkan mahkamah Syariah untuk mendapatkan kepastian tentang perkara tersebut. Namun begitu, hasil kajian oleh Mek Wok Mahmud et. al. (2020) antara lainnya mendapati terdapat kekeliruan dalam isu tempoh 'iddah yang sepatutnya dan keadaan di mana kes diputuskan berdasarkan tuntutan isteri tanpa menyelidiki tentang tempoh haid senbenar bagi pihak yang membuat tuntutan nafkah 'iddah (isteri).

Ada juga isteri yang mungkin lupa tentang tempoh hari kebiasaannya mendapat haid ataupun keliru tentang perbezaan darah (mustahadah mutahayyirah). Dalam isu begini, mahkamah dapat membuat keputusan dengan menetapkan tempoh 'iddahnya sebanyak tiga bulan manakala bagi isteri yang dapat mengingati hari kebiasaan haidnya pula, tempoh 'iddahnya dengan haidnya iaitu 3 kali suci.

Secara dasarnya, kadar nafkah adalah mengikut kemampuan suami dan bersamaan dengan apa yang telah diterima oleh isteri yang diceraikan semasa dalam tempoh perkahwinan (berdasarkan Surah al-Talaq 65 ayat 6). Namun, suami yang kehilangan pekerjaan mungkin mengutarakan isu masalah kewangan dalam pembayaran nafkah 'iddah manakala isteri yang diceraikannya pula enggan bersetuju dengan cadangan jumlah nafkah yang mampu dibayarnya ataupun bersetuju untuk tidak menuntutnya. Dalam keadaan ini sulh mungkin tidak sesuai dan memerlukan perbincangan di mahkamah.

Berdasarkan situasi ini, perbincangan kertas kerja ini adalah berdasarkan faktor-faktor yang harus dipertimbangkan oleh Mahkamah dalam menaksir kadar nafkah 'iddah.

PENAKSIRAN KADAR NAFKAH 'IDDAH UNTUK TEMPAT TINGGAL DAN NAFKAH (YANG MERANGKUMI MAKAN, MINUM, PAKAIAN DAN UBATAN)

Kadar penaksiran nilai tempat tinggal dan nafkah (makan, minum, pakaian dan ubatan) semasa tempoh 'iddah bukan suatu perkara yang boleh diambil mudah. Ini adalah kerana kadar penaksiran nilai yang ditentukan beberapa tahun yang lepas (meskipun berdasarkan keputusan mahkamah) tidak semestinya wajar untuk diaplikasikan pada kes pada hari ini, terutamanya semasa penularan wabak COVID-19 di mana banyak orang telah dan bakal hilang sumber pendapatan atau pekerjaan. Justeru, pendapatan boleh belanja suami atau bekas suami harus diambil kira setelah penolakan dibuat ke atas perbelanjaan kos sara hidupnya.

Pengiraan kadar nafkah 'iddah disebut dalam Kitab Kifayah al-Akhyar, juzuk 2, muka surat 89 yang menyatakan:

"Memberi belanja (nafkah) kepada isteri yang taat (yang menyerahkan dirinya kepada suaminya) adalah wajib, dan ianya mengikut kadar nilai berikut; apabila si suami kaya diberikan sebanyak dua mud makanan yang biasa dimakan dan lauk pauk serta pakaian menurut kebiasaan. Dan kalau suami miskin, nafkah isteri ialah satu mud makanan dan lauk pauk yang biasa dimakan serta pakaian yang biasasa mereka pakai. Jika suami dari golongan menengah, kadar nafkah isteri ialah satu setengah mud makanan dan lauk pauk serta pakaian juga menurut kebiasaan golongan menengah".

Berikut adalah beberapa cadangan faktor yang harus diambil kira dalam mentaksir kadar nafkah 'iddah yang berpatutan:

Kos Sara Hidup Terkini

Kos sara hidup dan taraf hidup berubah dari semasa ke semasa dan dari negeri ke negeri (dan juga dari negara ke negara). Julizah Sabstu (2021) berpendapat bahawa seseorang yang berpendapatan rendah tetapi kos sara hidupnya adalah tinggi akan menikmati taraf hidup yang rendah dan begitulah sebaliknya. Ini bermakna taraf hidup seseorang akan merosot apabila berlaku keadaan di mana beliau menerima pendapatan yang lebih rendah daripada biasa atau kehilangan pekerjaan, misalnya semasa berlakunya wabak COVID-19. Peningkatan kos sara hidup membebankan masyarakat akibat daripada ketidakcukupan dalam pendapatan dan hutang yang ditanggung.

Kos sara hidup diberi tafsiran yang luas di mana ia bukan sahaja merupakan kos yang terpaksa ditanggung oleh isi rumah tetapi juga merangkumi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal tetapi juga keperluan-keperluan lain. Perkara yang dianggap sebagai kehendak pada masa 15 tahun yang lepas tetapi pada masa kini, ia mungkin dianggap sebagai keperluan. Pada masa ini, bagi keselesaan hidup, terdapat kos-kos tambahan seperti kos pendidikan, insurans, kos tuisyen anak, kos sambungan jalur lebar, pendingin hawa dan kos untuk memiliki kenderaan tambahan untuk kegunaan harian. Kos-kos tambahan ini pula akan meningkatkan kos berkaitan seperti minyak, tol dan elektrik.

Lazimnya, kehidupan di bandaraya dan bandar besar adalah berbeza daripada luar bandar. Kos sara hidup di bandaraya dan bandar besar sudah pasti lebih tinggi daripada kos sara hidup di luar bandar. Senarai 10 tempat paling mahal di Malaysia dari segi kos sara hidup mengikut turutan adalah berikut: 1. Pulau Pinang (bahagian pulau); 2. Bintulu, Sarawak; 3. Paka/ Kerteh, Terengganu; 4. Miri, Sarawak; 5. Kuala Lumpur; 6. Kuala Terengganu, Terengganu; 7. Kuching, Sarawak; 8. Klang dan 9. Labuan (The Malaysian Insider, <http://tewistis.blogspot.com/2015/05/10-bandar-dengan-kos-sara-hidup-paling.html>; akses 11.7.2021).

Lazimnya, mereka yang tidak memiliki rumah terpaksa menyewa rumah. Rumah yang sesuai pula haruslah selamat dan selesa untuk dihuni oleh keluarga. Masalahnya, harga rumah dan harga sewa rumah menyukarkan kebanyakan ahli masyarakat untuk memiliki kediaman sendiri dan terpaksa menanggung sewa rumah yang mahal terutamanya di bandar besar. Ini adalah suatu isu besar sekiranya suami yang telah kehilangan pekerjaan gagal untuk menyediakan tempat tinggal untuk isterinya (dan/atau anak(-anaknya) selepas perceraian dengan isterinya. Kadar sewa

rumah teres dan bertingkat di kebanyakan bandar utama dijangka meningkat disebabkan peningkatan harga hartanah (Sinar Harian, 19 April 2021).

Menurut Kadi Besar Pulau Pinang Hj. Harussani bin Hj. Zakaria (pada ketika itu) semasa memutuskan kes *Noor Bee lwn Ahmad Shanusi* (1978 Jld. 1 J.H.) menyatakan:

"Hak nafkah eddah jika tidak dijelaskan semasa eddah maka ia menjadi hutang ke atas suami yang menceraikan isterinya. Tetapi tempat kediaman jika tidak dituntut semasa dalam eddah maka hak itu terluput", berdasarkan pandangan kitab Kifayah Al-Akhyar Juz 2 halaman 85;

"Jika sebahagian atau keseluruhan masa eddah telah berlalu dan isteri (yang dicerai) tidak menuntut hak tempat tinggal maka gugurlah hak itu dan tidak menjadi hutang ke atas suami yang menceraikan isterinya".

Kes tersebut menunjukkan bahawa seorang bekas suami wajib menyediakan tempat tinggal dan memberi nafkah kepada isteri yang dicerai dalam tempoh 'iddah berdasarkan syarat-syarat di atas. Oleh itu, bekas suami hendaklah menyediakan tempat tinggal yang sesuai dengan kemampuannya.

Pada masa ini, bukan sahaja kos sewa rumah adalah tinggi tetapi kos makan juga tinggi tidak kira di bandar ataupun di luar bandar. Menurut Sofea Azahar (2021), kos makan minum semakin meningkat berdasarkan perkiraan Consumer Price Index atau Indeks Harga Pengguna (IHP). Harga makanan semakin naik melebihi paras normal indeks harga pengguna. Menurut Sofea Azahar (2021), kumpulan isi rumah B40 cenderung untuk mengutamakan pembelian makanan. Akibatnya, kumpulan ini akan terkesan daripada kadar inflasi yang lebih tinggi.

Dalam kes *Azura binti Adna lwn Mohd Zulkefli bin Salleh*, (2000) J.H Jilid 14 Bah. II, ms 179-224, Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu berpendapat berikut:

Mengenai kadar nafkah 'iddah Mahkamah mengambil kira beberapa faktor. Sebagaimana yang telah dijelaskan mengikut Hukum Syarak, Plaintif di dalam kes ini berhak mendapat tempat tinggal dan nafkah yang meliputi makan, minum, pakaian dan ubatan. Tambahan pula Plaintif semasa dicerai berada dalam keadaan mengandung. Mahkamah juga memberi pertimbangan di atas pendapatan bulanan Defendan berjumlah antara RM1,000 hingga RM1,500 sebulan. Nilai makan minum seorang Wanita biasa pada satu hari ialah RM10.00 sehari. Nilai ini dikira seperti berikut:

Sarapan pagi	RM 2.00
Makan tengahari	RM 5.00
Makan malam	RM3.00
<hr/>	
JUMLAH	RM10.00

"Jumlah tersebut, belum termasuk perkiraan tempat tinggal dan pakaian di dalam masa 'iddah..."

Dalam situasi terkini, pada pandangan peribadi penulis, kes-kes 'lama' yang melibatkan taksiran nafkah 'iddah untuk makanan seperti *Azura binti Adna lwn Mohd Zulkefli bin Salleh* (2000) J.H Jilid 14 Bah. II, ms 179-224 yang diputuskan pada 6 Mac 2000 dan *Aminah binti Mokhtar lwn. Zakaria bin Yahya* (2009) J.H. Jilid 28, Bah. II, ms 181-191 yang diputuskan pada Jun 2009 dan *Asiamal v Abdul Jabar* (1984) 4 J.H. 262 adalah kurang sesuai untuk dijadikan sandaran lagi kerana nilai harga kategori 'menu bajet' adalah lebih tinggi daripada nilai makanan tersebut.

Status Kumpulan Pendapatan Suami atau bekas suami

Menurut Sofea Azahar (2021), kadar pengangguran dan 'under employment' semakin serius dan bila berbicara tentang kos sara hidup, status kemiskinan harus dipertimbangkan. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, Kerajaan dapat mengenalpasti julat pendapatan rakyat Malaysia secara menyeluruh (Iqiglobal, 2021). Kumpulan isi rumah pendapatan suami atau bekas suami haruslah diketahui lebih-lebih lagi isteri atau bekas isteri tidak bekerja dan hanya bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suami. Kumpulan-kumpulan isi rumah adalah seperti berikut:

- **B40 (Bottom 40%)**
Kumpulan isi rumah berpendapatan 40% rendah dengan pendapatan **bawah RM4,849 sebulan** serta isi rumah miskin yang pendapatan bulanan kurang daripada RM2,208 sebulan.
- **M40 (Middle 40%)**
Kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan **di antara RM4,850 sehingga RM10,959 sebulan.**
- **T20 (Top 20%)**
Kumpulan isi rumah berpendapatan 20% tertinggi sebanyak **RM10,959 ke atas** dan merupakan penggerak ekonomi dan majikan golongan B40 dan M40.

Walau bagaimanapun, suami yang berada dalam kumpulan gaji yang tinggi (misalnya dalam kumpulan T20) tidak semestinya menikmati taraf hidup yang tinggi sekiranya pendapatannya tidak dapat menampung kos hidupnya yang tinggi di

bandaraya atau bandar besar. Keadaan kewangan suami akan bertambah runcing sekiranya beliau kehilangan kerja.

Status Suami - sama ada bekerja sendiri atau makan gaji atau penganggur atau disytiharkan bankrap

Berdasarkan Rang Undang-Undang Insolvensi (Pindaan) 2020 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat bagi meminda nilai ambang hutang minimum bagi mengemukakan petisyen kebangkrutan, nilai ambang terkini adalah sebanyak RM100,000. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Takiyuddin Hasan ketika menggulung RUU berkenaan berkata, pindaan itu dibuat berikutan data di Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI) menunjukkan individu berusia 35 tahun ke bawah adalah golongan paling tinggi terjejas. Oleh itu, status suami atau bekas suami harus diselidik untuk mengetahui sama ada beliau seorang muflis di mana hartanya ditadbir oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI).

KESIMPULAN

Perbincangan di atas menunjukkan di era wabak COVID-19 ini, sepatutnya ada ruang untuk kedua belah berkompromi dan bertolak ansur dalam hal jumlah atau kadar yang patut dibayar oleh seorang suami kepada isterinya sebagai nafkah. Ini secara tidak langsung menggalakkan kedua belah pihak untuk bermaaf-maafan dan tidak berdendam antara satu sama lain. Perkara ini juga adalah selaras dengan konsep ihsan. Ini adalah sebagaimana ajaran Islam yang dapat diamati dalam Surah Ali Imran, ayat 134, Allah (SWT) berfirman yang bermaksud: "Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahannya dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik."

Nafkah 'iddah wajib dilaksanakan oleh suami kepada isterinya berdasarkan autoriti yang telah dibincangkan. Ini juga bermakna apabila Mahkamah Syariah telah mengeluarkan perintah mengenai pembayaran nafkah, suami dikehendaki melaksanakannya. Sekiranya suami tidak membayarnya, maka akan dianggap sebagai hutang yang perlu dilunaskan. Meskipun begitu, mahkamah masih boleh bertindak atas budi bicaranya untuk membuat taksiran nafkah 'iddah yang berpatutan. Ini dibuat dengan mengambil kira kemampuan suami membayar dan tidak hanya bergantung kepada pendapatan suami semata-mata. Ini adalah selaras dengan budi bicara mahkamah yang disebut dalam Seksyen 62 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim, (Tajwid & Terjemahan Humaira), Humaira Bookstore Enterprise, Kajang, Semenyih, Selangor (KDN:PQ/Q.1001/1.2/QA/412/46/2012)
- Ibn Rusyd, *Bida'ayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, Juz II (ttp.: tnp., t.t.), hlm. 44, dalam *al-Maktabah al-Syaamilah*, Versi 2.11
- Julizah Sabstu, Kenaikan Kos Sara Hidup, Kesan Kepada Rakyat, <<https://www.ikkm.edu.my/images/dokumen/penerbitan/demensi/demensi-koop-44/44-3.pdf>> (akses 3 Julai 2021)
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan: <<https://jksns.ns.gov.my/en/perkhidmatan/sulh-mediation>> (akses 19 Julai 2021).
- Jabatan Kehakiman Negeri Sembilan, <https://jksns.ns.gov.my/images/Statistik_Sulh/STATISTIK-SULH-JKSNS-KESELURUHAN-2017.pdf> (akses 20 Julai 2021).
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (Pamphlet berkaitan Majlis Sulh) <<https://www.jakess.gov.my/hakam/sulh.pdf>> (akses 12 Julai 2021).
- Muhammad Jawad Mugniyah. *al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-Khamsah*, terj. Masykur A.B. dkk., cet. ke-3 (Jakarta: Lentera, 2004), hlm. 401.
- Mek Wok Mahmud, Naimah Mohamad Nasir, Saidatolakma Mohamad Yunus dan Mohammed Farid Ali (2020). "Analisis Terhadap Peruntukan Penentuan 'Iddah dalam Enakmen UndangUndang Keluarga Islam Malaysia". *Akademika* 90(3), 2020: 49-62. <<https://doi.org/10.17576/akad-2020-9003-05>> (19 Julai 2021).
- Marfika Adnan Haris Fadzilah (April 17, 2020). "PKP: Aduan tidak beri nafkah meningkat" Berita Harian Online. <<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/678103/pkp-aduan-tidak-beri-nafkah-meningkat>> (akses 13 Julai 2021).
- Mukhriz Mat Husin (19 April 2021). "Kadar sewa mungkin meningkat". Sinar Harian <<https://www.sinarharian.com.my/article/134252/LAPORAN-KHAS/Kadar-sewa-mungkin-meningkat>> (akses 5 Julai 2021).
- n.a. "Hellodoktor, Tak Sangka Kos Rawatan Kanser Paru-Paru Antara TERMAHAL, Termasuk 5 Penyakit Ini!" <<https://hellodoktor.com/kesihatan/berita/kos-rawatan-penyakit-penyakit/>> (4 Julai 2021).
- n.a. "Prosiding kes Mahkamah Syariah dalam talian elak Covid-19". Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/berita/2020/11/prosiding-kes-mahkamah-syariah-dalam-talian-elak-covid-19/> (akses 12 Julai 2021).
- n.a. "Apa Itu B40, M40 dan T20? Senarai Bantuan 2021" <<https://www.iqiglobal.com/blog/ms/apa-itu-b40-m40-dan-t20-senarai-bantuan-2021/>> (aksesn 4 Julai 2021)
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <<https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4819-al-kafi-1800-tempoh-iddah-wanita-istihadah>> (akses 19 Julai 2021).

Sofea Azahar (2021). "Ketidakpadanan gaji dan kos sara hidup". MalaysiaNow, <https://www.malaysianow.com/wacana/2021/03/25/ketidakpadanan-gaji-dan-kos-sara-hidup/> (7 Julai 2021).

Enakmen

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 [Sel. P.U. 7/2004]

Kes

Syarifah Sapoyah lwn Wan Alwi (1988) J.H. Jld. VI-II

Noor Bee lwn Ahmad Shanusi (1978 Jld. 1 J.H.)

Azura binti Adna lwn Mohd Zulkefli bin Salleh, (2000) J.H Jilid 14 Bah. II, ms 179-224